

# UMS jalin kerjasama bidang virologi dengan Makmal Diagnosa Veterinar

UB 06.07.2023 P.08

KOTA KINABALU: Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani surat niat (LoI) bersama Makmal Diagnosa Veterinar (MDV) di sini baru-baru ini.

Dekan FSSA Prof. Dr. Jualang @ Azlan Abdullah Gansau berkata, LoI itu antara lain bertujuan berkongsi kepakaran dan pengetahuan melalui aktiviti pengajaran dan penyelidikan.

Selain itu katanya, melalui LoI ini persampelan virus daripada MDV dapat dilaksanakan bagi aktiviti penyelidikan pelajar sarjana.

“Di samping itu, ia juga bagi memberi ruang untuk

perkongsian pengetahuan dan pendedahan kepada bidang virologi di lapangan melalui lawatan akademik pelajar untuk Kursus Virologi SY22902 dalam Program Bioteknologi,” katanya.

Menurutnya, kolaboratif dalam bidang penyelidikan antara dua entiti ini juga mampu menghasilkan jurnal yang berimpak tinggi kelak.

“Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada MDV Kota Kinabalu atas sokongan dan kerjasama yang diberikan.

“Sudah tentu kolaborasi UMS dan MDV Kota Kinabalu ini akan memberi impak positif kepada bidang peng-

ajaran dan penyelidikan pelajar-pelajar Program Bioteknologi khususnya dan juga kepada masyarakat setempat secara amnya,” katanya.

Pada majlis menandatangani LoI itu, Jualang mewakili FSSA manakala MDV diwakili oleh Pegawai Penyelidik MDV Kota Kinabalu Ag. Muhammad Sagaf Abu Bakar.

Hadir sama, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi Prof. Madya Dr. Rodeano Roslee; Ketua Program Bioteknologi Prof. Madya Dr. Mohd Khalizan Sabullah; Pensyarah Program Bioteknologi Hartinie Marbawi; dan Ketua Pentadbiran FSSA Aidah Noordin.



**TERMETERAI:** Jualang (empat dari kanan) dan Ag. Muhammad Sagaf (empat dari kiri) bersama kakitangan FSSA dan MDV pada majlis menandatangani LoI.